

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 NOVEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 40

Kadar pengangguran terus catat penurunan

Kadar pengangguran terus catat penurunan

Pasaran buruh terus mencatatkan pemulihian stabil pada suku ketiga 2022 dengan kadar pengangguran berkurangan kepada 3.7 peratus berbanding 4.7 peratus pada suku yang sama tahun lalu dan perlahan-lahan kembali kepada keadaan sebelum pandemik.

Jabatan Perangkaan dalam kenyataan semalam berkata, bilangan penganggur turun 18 peratus kepada 611,800 orang berbanding 746,000 orang pada suku yang sama pada 2021.

“Dari segi penawaran buruh pada suku ketiga 2022, bilangan penduduk bekerja meningkat 3.6 peratus kepada 15.83 juta orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya sebanyak 15.70 juta orang.

“Pertumbuhan guna tenaga yang lebih tinggi daripada penurunan kadar pengangguran menyebabkan bilangan tenaga buruh meningkat 2.6 peratus kepada 16.44 juta orang pada suku itu. Justeru, kadar penyerataan tenaga buruh terus mengukuh sebanyak 1.1 mata peratusan kepada 69.4

peratus,” katanya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pada suku ketiga 2022, peralihan negara ke fasa endemik mendorong rakyat Malaysia untuk kembali kepada kehidupan hampir normal selepas dua tahun berjuang melawan pandemik COVID-19.

Mengenai situasi guna tenaga tidak penuh, beliau berkata pengukuhan permintaan domestik sepanjang suku ketiga 2022 menyebabkan

bilangan penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus menujukkan trend penurunan dengan merosot 38.2 peratus berbanding suku yang sama pada 2021, iaitu sebanyak 287,200 orang, berbanding 464,600 orang pada suku ketiga 2021.

Mohd Uzir berkata, bagi prestasi permintaan

buruh, jumlah jawatan dalam sektor ekonomi terus bertambah baik dengan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.2 peratus kepada 8.68 juta jawatan, melepassi paras sebelum pandemik.

Beliau berkata, prestasi keseluruhan pasaran buruh juga dilihat akan mengelakkan momentum positifnya dan lebih berdaya tahan, memberikan isyarat bahawa pasaran buruh Malaysia semakin pulih didorong perkembangan semasa aktiviti ekonomi.

Bagaimanapun, katanya pandangan itu tertakluk kepada pelbagai cabaran dalam mengurangkan kesan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi global dan aktiviti perdagangan serta kesan bencana banjir yang dijangka berlaku.

BERNAMA



Mohd Uzir Mahidin